

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

13. Nyatakan kerugian kepada ekonomi negeri ekoran gangguan bekalan air berjadual (SWSI) pada 25 April 2025 dan punca masalah gangguan luar jangkaan yang timbul sebelum dan selepas SWSI, bilangan pengguna yang terjejas, dan adakah pembaikan paip kelak boleh dijalankan tanpa SWSI sedemikian?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Gangguan bekalan air berjadual (SWSI) yang berlaku di Pulau Pinang dari 25 hingga 28 April 2025 melibatkan 341,708 akaun pengguna. Walau bagaimanapun, tiada data rasmi mengenai kerugian ekonomi akibat SWSI tersebut. Ia dilaksanakan bagi membolehkan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menjalankan 23 projek naik taraf sistem bekalan air dengan kos RM25 juta, termasuk kerja-kerja penting di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua dan penyambungan saluran paip menyeberangi Sungai Perai.

SWSI tersebut juga telah dimaklumkan dengan lebih awal oleh PBAPP kepada semua sektor yang terlibat melalui sesi libat urus yang dilaksanakan termasuk juga kepada semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan bagi memastikan semua pihak bersedia dan mengambil langkah yang sewajarnya sepanjang tempoh SWSI tersebut.

Gangguan luar jangka yang berlaku sebelum dan selepas SWSI adalah berpunca daripada kerosakan paip utama, tekanan air yang tidak stabil dan keperluan teknikal untuk memastikan sistem agihan air kembali beroperasi secara optimum selepas kerja-kerja pembaikan.

Pelaksanaan SWSI terhadap pembaikan paip di masa hadapan adalah tertakluk kepada tahap kerosakan, lokasi terlibat dan jumlah pengguna yang akan terjejas. Sekiranya kerosakan berskala besar atau melibatkan kawasan utama, SWSI mungkin tetap perlu dijalankan bagi memastikan keselamatan pelaksanaan kerja dan keberkesanan pemulihan sistem bekalan air.

Pelaksanaan SWSI membawa beberapa manfaat penting kepada penduduk Pulau Pinang seperti berikut:

- (i) **Perancangan awal:** SWSI membolehkan pengguna membuat persediaan awal seperti menyimpan air dan merancang penggunaan air dengan lebih cekap;
- (ii) **Keselamatan dan kelancaran kerja:** SWSI memastikan kerja pembaikan dapat dilaksanakan secara sistematik dan selamat tanpa tekanan dari kegagalan mengejut;
- (iii) **Pengurangan gangguan luar jangka:** Penyelenggaraan berkala secara berjadual dapat meminimumkan risiko gangguan mengejut di masa hadapan; dan
- (iv) **Penjimatan kos jangka panjang:** Pembaikan awal dan terancang dapat mengurangkan kos pembaikan kecemasan dan kerugian akibat gangguan besar-besaran.

Sebagai kesimpulan, walaupun SWSI ini memberi kesan (jangka pendek) kepada pengguna, SWSI adalah satu langkah proaktif yang memberi manfaat kepada jangka panjang dengan memberi kestabilan sistem bekalan air dan kesejahteraan rakyat.